



## SIARAN MEDIA

# PENYERTAAN BUMIPUTERA YANG BAIK DALAM PROJEK MRT

**KUALA LUMPUR, 4 September 2012:** Mass Rapid Transit Corporation (MRT Corp) hari ini menafikan kenyataan bahawa ahli-ahli Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) telah dipinggirkan dalam proses penganugerahan tender kepada kontraktor bumiputera. Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp Dato' Azhar Abdul Hamid berkata peranan kontraktor bumiputera dalam pembinaan MRT Jajaran Sungai Buloh-Kajang adalah amat penting.

"MRT Corp terkejut dengan kenyataan oleh Presiden DPMM Syed Ali Alattas kerana perkara ini terletak di bawah jagaan Jabatan Perdana Menteri dan telah dilaksanakan dengan lancar. Ini adalah mandat daripada YAB Perdana Menteri sendiri dan pihak kami telah melaksanakannya dengan sepenuhnya," kata Dato' Azhar.

Dato' Azhar menjelaskan kenyataan bahawa ada kontraktor bumiputera yang telah dipinggirkan oleh MRT Corp adalah tidak betul sama sekali kerana terdapat pakej-pakej kerja yang telah dikhaskan untuk dibida oleh syarikat bumiputera sahaja. Terdapat juga syarikat bumiputera yang berjaya mendapat kontrak dalam kategori terbuka di mana pembidaan disertai oleh syarikat-syarikat bumiputera dan bukan-bumiputera. Disamping itu, semua pakej-pakej kerja dibuka untuk bidaan kompetitif dan isu bahawa terdapat syarikat bumiputera yang dipinggirkan tidak harus timbul langsung.

Sehingga Julai 2012, sebanyak 17 pakej kerja bernilai RM7.6 bilion telah dianugerahkan kepada syarikat-syarikat bumiputera. Ini termasuk 10 pakej kerja awalan (advance works), tiga pakej kerja laluan bertingkat (elevated guideways), dan satu pakej stesen. Syarikat-syarikat bumiputera juga telah dianugerahkan dua pakej kerja depoh, satu pakej kerja tempat parkir kereta bertingkat dan separuh pakej kerja bawah tanah.

"Ini bererti sehingga kini, sebanyak 47% daripada jumlah pakej kerja telah dianugerahkan kepada syarikat bumiputera. Ini melebihi tahap 43% yang disasarkan oleh MRT Corp. Di samping itu, terdapat 17 pakej kerja lagi dengan jumlah nilai RM1.7 bilion yang dikhaskan untuk syarikat-syarikat bumiputera yang masih belum dianugerahkan. Ini akan meningkatkan nilai kontrak yang dianugerahkan kepada syarikat-syarikat bumiputera ke RM9.3 bilion," kata Dato' Azhar.

MRT Corp juga akan menganugerahkan lebih daripada 200 pakej kerja kepada kontraktor kelas D, E dan F mulai sekarang sehingga projek MRT siap pada Julai 2017.

TAMAT

---

**Latar belakang Projek MRT**

*MRT merupakan sistem pengangkutan rel baru untuk Lembah Klang. Ia adalah sebahagian daripada Greater Kuala Lumpur/Lembah Klang Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA), di bawah Program Transformasi Ekonomi. Laluan Sungai Buloh - Kajang (SBK) adalah sepanjang 51km, dari bandar utara-barat laut Sg Buloh hingga ke bandar tenggara Kajang. Apabila siap, ia akan terdiri daripada 31 stesen dan memberi perkhidmatan kepada 1.2 juta orang di sepanjang laluan. Ia juga akan memiliki integrasi strategik dengan rangkaian pengangkutan rel sedia ada KL, iaitu LRT, Monorel dan KTM Komuter, serta laluan bas intra dan antara bandar. Hasilnya akan memberikan keterkaitan yang lebih baik untuk KL dan bandar-bandar sekitarnya, di samping mengurangkan jumlah bilangan kereta yang memasuki ibu kota.*

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

MRT Corp  
Leong Shen-li – 012-3196602

Edelman  
Yoong Loong Hin ([loonghin.yoong@edelman.com](mailto:loonghin.yoong@edelman.com))/  
Maureen Jeyasooriar ([maureen.jeyasooriar@edelman.com](mailto:maureen.jeyasooriar@edelman.com))  
Tel. Mobil: 016 564 5670/ 016 206 4427